



Ibu Pejabat Maritim Negeri Selangor
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
(Malaysia Coast Guard)
Jabatan Perdana Menteri
Lot 2, Solok Sultan Hishamuddin 16
Bandar Sultan Sulaiman
42005 PELABUHAN KLANG
Selangor Darul Ehsan



Tel : 03-31769100
Fax : 03-31765100

No. Rujukan : APMM.DM4.100-2/1/1(19)
Bertarikh : 21 September 2018

SIARAN MEDIA

AMBIL MUDAH PINDAHKAN SISA BUANGAN

PELABUHAN KLANG, 21 Sept – Sebuah kapal tangki dan bot kargo ditahan oleh Maritim Malaysia Negeri Selangor di perairan Sungai Puloh pagi tadi.

Pengarah Maritim Negeri, Kepten Maritim Mohammad Rosli bin Kassim berkata, pihaknya melakukan pemeriksaan ke atas sebuah bot kargo yang disyaki membawa muatan mencurigakan pada jarak 1.3 batu nautika perairan Sungai Puloh.

“Pada mulanya bot ronda Maritim Malaysia Negeri Selangor menahan dan memeriksa bot kargo berkenaan sebelum siasatan awal membawa kepada penemuan sebuah kapal tangki yang bersauh tanpa kebenaran pada jarak 0.7 batu nautika perairan Sungai Buloh. Hasil pemeriksaan lanjut mendapati kapal dan bot tersebut dipercayai telah melakukan pemindahan sisa buangan minyak tanpa kebenaran Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia,” ujar beliau.

Kedua-dua kapal dan bot berkenaan ditahan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan 2 lelaki warganegara Indonesia serta 2 lelaki warganegara tempatan turut ditahan untuk siasatan lanjut.

-TAMAT-

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pusat Operasi Maritim Negeri Selangor

LK I (M) Mohd. Hasrul Shahril Abd Samad

: 03-31769100 / 03-31760634

: 011-35497469